

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 9, 2019 1:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Terima Kemasukan Pelajar Pascasiswazah Semester Mei 2018/2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 MEI 2019 / 4 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM TERIMA KEMASUKAN PELAJAR PASCASISWAZAH SEMESTER MEI 2018/2019



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) dan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS) telah menerima kemasukan pelajar pascasiswazah baharu yang mula mendaftar mulai semalam di sekolah siswazah masing-masing.

Di OYAGSB, seramai 57 baharu Semester Mei 2018/2019 terdiri 53 pelajar tempatan dan empat antarabangsa telah mendaftar bagi program Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana.

Selepas sesi pendaftaran, pelajar diberikan talimat perkhidmatan perpustakaan dan taklimat akademik oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Madya Dr. Subramaniam Sri Ramalu; Pengarah Program PhD dan D.Mgmt, Prof. Dr. Norazah Mohd Suki; Pengarah Program DBA, Prof. Dr. Nor Azila Mohd Noor dan Pengarah Program MBA, Dr. Chuah Chin Wei.

Sementara di GSGSG telah menerima kemasukan seramai 24 pelajar bagi program Sarjana dan juga PhD yang mana 21 adalah pelajar tempatan dan selebihnya adalah pelajar antarabangsa.

Di AHS GS pula, seramai 20 pelajar pascasiswazah terdiri 17 pelajar tempatan dan tiga pelajar antarabangsa telah mendaftar di kampus Sintok bagi program ijazah PhD dan Sarjana, manakala bagi pendaftaran pelajar luar kampus di Kota Bharu, Kelantan menerima 19 pelajar dan di UUMKL seramai tiga orang menjadikan jumlah keseluruhan adalah seramai 42 orang pelajar telah mendaftar di AHS GS sehingga kini dan dijangka akan bertambah dengan pendaftaran pelajar pascasiswazah mod kajian yang akan mendaftar sepanjang semester.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.